

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA]

SOALAN :

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah langkah serta strategi pihak Kementerian untuk mengatasi masalah harga minyak kelapa sawit dan getah yang jatuh menjunam. Perincikan strategi jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.

JAWAPAN

Antara langkah strategik terbaharu Kementerian untuk menstabilkan harga komoditi sawit dan getah adalah dengan meningkatkan permintaan negara-negara pengimport melalui langkah-langkah berikut:

Komoditi Sawit:

(a) meningkatkan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Biodiesel B10 yang telah dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 bagi sektor pengangkutan dan pelaksanaan program B7 bagi sektor industri yang akan bermula pada 1 Julai 2019. Program B10 ini telah memberikan impak positif kepada peningkatan harga minyak sawit dimana seawal Januari 2019 dan Februari 2019 harga purata bulanan minyak sawit meningkat masing-masing kepada RM2,037.00 dan RM2,122.65/tan berbanding Disember 2018 iaitu RM1,794.50/tan;

(b) Malaysia telah menandatangani dokumen hasrat pembelian dengan syarikat China bagi mengeksport sebanyak 1.62 juta tan minyak sawit bernilai RM3.64 bilion ke negara republik itu melibatkan empat syarikat Malaysia dan tiga syarikat China. Persetujuan ini adalah susulan lawatan kerja Kementerian ke China untuk meningkatkan pembelian minyak sawit Malaysia pada bulan Ogos tahun lalu; dan

SOALAN NO : 202

(c) mengukuhkan pasaran di India yang merupakan negara pengimport terbesar minyak sawit (CPO) dan negara-negara berpotensi seperti Iran, Mesir dan negara-negara Afrika melalui Misi Ekonomi dan Pelaburan yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri. Misi ini telah berjaya meyakinkan negara-negara tersebut untuk meningkatkan pembelian minyak sawit negara. Selain itu, langkah Kerajaan India mengurangkan duti import CPO daripada 44% kepada 40% serta pengurangan duti import minyak sawit proses daripada 54% kepada 45% juga telah memberi kesan positif kepada industri sawit negara.

Komoditi Getah:

(a) Mendapat persetujuan Indonesia dan Thailand melalui Mesyuarat Khas Peringkat Menteri *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) 2019 di Bangkok, Thailand pada 22 Februari 2019 supaya ketiga-tiga negara ITRC ini iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand melaksanakan *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) sebagai satu instrumen yang berkesan untuk mengimbangi stok di pasaran dunia. Tindakan ini dijangka dapat meningkatkan harga getah asli bagi jangka masa pendek. Berikutan itu, AETS ke-6 diluluskan dengan menetapkan pengurangan kuota eksport sebanyak 240,000 tan mulai 1 April 2019 selama empat bulan. Sejak pengumuman AETS ke-6 oleh ITRC, paras harga *Standard Malaysia Rubber 20* (SMR20) *Free On Board* (FOB) telah meningkat sebanyak 4.7% dari RM 5.73/kilogram pada 22 Februari 2019 kepada RM6.05/kilogram pada 14 Mac 2019; dan

(b) Meningkatkan penggunaan getah dalam negara sehingga 10% daripada jumlah pengeluaran getah asli semasa. Ini termasuk penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya dan penghasilan produk-produk baharu dan bernilai tambah berasaskan getah seperti *Seismic Bearing*, sarung tangan getah dan lain-lain. Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta pada tahun ini bagi membina jalan berasaskan getah sekerap. Untuk makluman, dengan peruntukan sebanyak RM100 juta ini, sepanjang 200 kilometer jalan dapat diselenggarakan dengan turapan *Cuplump Modified Bitumen* (CMB). Projek ini akan menggunakan 2.1 tan Kandungan Getah Kering (KGK) bagi setiap 1 kilometer dan ini bersamaan dengan 420 tan KGK bagi 200 kilometer jalan raya.